

## **Aktiviti Suhakam Sabah**

### **Program Hari Bertemu Pelanggan.**

---

8 Januari 2014

Pejabat Suhakam Sabah telah mengambil bahagian dalam program “Hari Bertemu Pelanggan” anjuran Biro Pengaduan Awam, Jabatan Ketua Menteri yang telah diadakan di Dewan Belia Tamparuli. Program telah disertai oleh 21 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri & Persekutuan.

YB Datuk Madius Tangau, Ahli Parlimen P-170 Tuaran telah merasmikan program tersebut, Kaunter yang bermula seawal jam 8:00 pagi. Sepanjang program berjalan, kehadiran orang ramai agak baik dimana . Risalah yang mengandungi penerangan mengenai fungsi & peranan SUHAKAM dan hak asasi manusia telah diedarkan kepada masyarakat setempat yang telah hadir diprogram tersebut.



Encik Jasmih menyampaikan cenderahati kepada YB Datuk Madius Tangau semasa melawat kaunter aduan SUHAKAM.



Encik Jasmih sedang memberikan penerangan kepada pengadu di kaunter Suhakam.

## **KUNJUNGAN HORMAT KEATAS PEGARAH BIRO PENGADUAN AWAM NEGERI SABAH TUAN HAJI JAMIL BIN ATAN SEMPERA MAJLIS PERPISAHANYA.**

13 Januari 2014

Encik Nordin Kasim Madating, Pesuruhjaya SUHAKAM telah membuat kunjungan hormat keatas PEGARAH Biro Pengaduan awam Negeri Sabah (BPA), Jabatan Ketua Menteri, Tuan Haji Jamil Atan di pejabatnya, Wisma Muis Kota Kinabalu Pada 13 Januari 2014. Tuan Haji Jamil bersara wajib pada 15 Januari 2014 setelah berkhidmat selama 32 tahun dalam perkhidmatan kerajaan.

Tujuan kunjungan itu adalah untuk menyampaikan ucapan penghargaan terhadap pengarah BPA di atas kerjasama yang telah dijalankan dalam usaha membantu Suhakam mempromosikan pengetahuan mengenai hak asasi kepada masyarakat diSabah.



Encik Nordin menyampaikan cendera-kenangan kepada Tuan Haji Jamil Bin Atan Pengarah Biro Aduan Awam Negeri Sabah.



Encik Nordin semasa perbincangan bersama Tuan Haji Jamil yang juga dihadiri oleh Pengarah BPA, Jabatan Perdana Menteri, Encik Georgeie Abas.

## **CERAMAH HAK ASASI DI PUSAT LATIHAN RELA SABAH**

5 Februari 2014

Encik Jasmih telah menyampaikan ceramah mengenai peranan & fungsi Suhakam dan hak asasi manusi kepada 250 anggota di Pusat Latihan RELA Sabah. Program ini adalah merupakan aktiviti berterusan oleh Pejabat Sabah untuk menyebarkan pengetahuan mengenai Suhakam & hak asasi manusi kepada anggota penguatkuasa.



Encik Jasmih sedang memberikan penerangan berkaitan fungsi & peranan SUHAKAM kepada anggota RELA.



Seramai 250 anggota RELA telah hadir dalam sesi ceramah.

Laporan & Foto disediakan oleh : Sofyan Md Kusin  
Tarikh : 17 Februari 2014  
SUHAKAM, Sabah